



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI

## SIARAN MEDIA

---

### **NANOMALAYSIA LANCAR PROGRAM PENGESAHAN TEKNOLOGI DAN PASARAN BAGI MEMPERCEPAT PEMBANGUNAN DAN PENGELUARAN TEKNOLOGI KENDERAAN ELEKTRIK TEMPATAN**

---

**ISKANDAR PUTERI, 1 Julai 2022** – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini merasmikan pelancaran program ***Campus for Local Electric Vehicle Expeditious Roll-out (CLEVER)*** di EduCity Iskandar, Johor.

CLEVER yang diterajui oleh NanoMalaysia Berhad (NMB) adalah sebuah program bagi merencanakan penggunaan teknologi kenderaan elektrik (EV) di kawasan kampus universiti terpilih. Inisiatif CLEVER ini akan dimulakan di EduCity Iskandar, diikuti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Program ini bertindak sebagai platform atau *sandbox* pengawalseliaan dan inovasi untuk membolehkan syarikat pemula dan inovator menjalankan eksperimen secara langsung dalam persekitaran terkawal. Ia akan meliputi mobiliti elektrik dua roda, stesen penukaran bateri, pembangunan penukaran kenderaan Enjin Pembakaran Dalaman (ICE) kepada EV, penggunaan sistem autonomi dan pengecasan luar grid menggunakan tenaga boleh diperbaharui yang dilaksanakan di kawasan kampus.

Menurut YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, pelancaran CLEVER adalah selari dengan fokus Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk meningkatkan pembangunan dan penggunaan teknologi EV tempatan. Ia juga menyokong sasaran Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020 untuk menyediakan kira-kira 5,000 buah stesen mengecas EV bagi mengukuhkan infrastruktur EV. Langkah ini juga secara tidak langsung akan menggalakkan rakyat untuk memiliki dan menggunakan EV pengangkutan pilihan.

“Penglibatan NMB adalah signifikan dalam mewujudkan ekosistem kondusif yang

menggalakkan bakat-bakat tempatan untuk membangunkan kecemerlangan teknologi dan memasarkan pencapaian mereka. CLEVER merupakan inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan dan penggunaan teknologi EV. Justeru, MOSTI memberi sokongan sepenuhnya bagi memastikan program CLEVER ini berjaya,” kata YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba.

NMB berperanan memudahkan perkembangan teknologi, menetapkan peraturan serta meminda perlindungan insurans dengan mengumpul data penerimaan pengguna, prestasi serta keselamatan sebelum pelaburan berskala besar dan penggunaan ke pasaran Malaysia dapat direalisasikan.

NMB yang juga sebuah agensi di bawah MOSTI sebelum ini telah melancarkan beberapa program bagi meningkatkan dan penggunaan teknologi EV. Antaranya adalah *NanoMalaysia Energy Storage Technology Initiative* (NESTI), Kereta Lumba Elektrik Berkuasa Hidrogen (HyPER), Kenderaan Autonomi NanoMalaysia (NAVi) dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Ekosistem Mobiliti Mikro EV bersama rakan kerjasama dari Korea Selatan. Ini adalah usaha MOSTI untuk mendorong agenda EV di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia 2021 dan meletakkan Malaysia sebagai pengeluar komponen EV.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif NMB, YBrs. Dr Rezal Khairi Ahmad, CLEVER berfungsi menangani isu penggunaan EV yang dihadapi Malaysia sehingga hari ini termasuk isu mampu milik, teknologi EV tempatan, bakat mahir tempatan serta sokongan teknikal, kekurangan infrastruktur terkemuka dan kebimbangan jarak (*range anxiety*) melalui pendekatan terbaik.

“Kami berbesar hati kerana kerajaan telah menggerakkan agenda EV melalui subsidi dan insentif cukai sebagai langkah pertama untuk mempercepatkan pemilikan kenderaan EV di Malaysia. Bagi memastikan usaha ini mampan dan dipertingkatkan, kemajuan teknologi tempatan seperti yang akan diterajui oleh CLEVER ini diperlukan untuk penyelesaian jangka panjang. Ini secara tidak langsung akan meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam pasaran EV dan tenaga boleh diperbaharui di ASEAN. Kesan limpahan juga akan meletakkan negara sebagai kuasa utama dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) melalui sistem digital yang berkaitan industri EV.”

Pada majlis yang sama, beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan pelaksanaan CLEVER turut dimeterai.

Menerusi MoU di antara NMB dan UTHM, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam menjalankan penyelidikan dan perundingan bagi membangunkan produk, perpindahan teknologi atau idea baharu. Ini bagi menyokong usaha pelaksanaan inisiatif pengurangan kadar pelepasan karbon.

Selain itu, satu lagi MoU turut dimeterai di antara NMB dan UNITEN bagi pertukaran kepakaran, pengalaman dan kemahiran. Usaha sama ini akan memberikan pulangan faedah serta pertumbuhan bersama dalam skop CLEVER dan tenaga boleh diperbaharui bagi sistem pengecasan EV.

Seterusnya, MoU di antara NMB bersama UTM dan NMB bersama EduCity. Memorandum ini adalah untuk memanfaatkan rangkaian, bidang kepakaran, sumber pengetahuan seterusnya membentuk kerjasama erat di dalam skop CLEVER di antara ketiga-tiga pihak.

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**1 JULAI 2022**

## **Tentang NanoMalaysia Berhad**

NanoMalaysia Berhad telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk bertindak sebagai sebuah entiti perniagaan yang diamanahkan dengan aktiviti pengkomersialan dan perindustrian nanoteknologi menerusi model pembangun usaha sama. Nanoteknologi terus memainkan peranan menyediakan penyelesaian yang efisien dan dipertingkatkan bagi pelbagai aplikasi termasuklah untuk kehidupan pintar, pembuatan pintar, pertanian, peranti elektronik serta tenaga dan persekitaran. NanoMalaysia percaya bahawa "Internet of Nano-Things" atau IoNT akan menjadi pemacu teras bagi revolusi Industri ke-4 dan menjadi pemangkin perubahan termaju dalam industri, perniagaan dan masyarakat. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

***Untuk pertanyaan media, sila hubungi Audra Jeyaraj di 012 691 5024 atau Riznal Abidin di +6016 660 4606.***